

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2020

HARI RABU : 22 JULAI 2020

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 6 HINGGA NO. 36)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah negara yang menjadi pengimport terbesar minyak sawit dan produk sawit negara bagi tahun 2019 dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memperluaskan eksport minyak sawit negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data dan statistik dari Jabatan Perangkaan Malaysia, Negara India merupakan pengimport terbesar minyak sawit dan produk berasaskan sawit negara pada tahun 2019 dengan kuantiti sebanyak 4.46 juta tan dengan nilai sebanyak RM9.78 billion.

Antara langkah yang sedang diambil bagi meningkatkan pasaran eksport minyak sawit negara adalah:

- i. Memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada terutamanya negara India, China, Kesatuan Eropah (EU), Pakistan, dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti di benua Afrika dan Asia Tengah;
- ii. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
- iii. Meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau;
- iv. Perlaksanaan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang telah dijadikan mandatori bermula 1 Januari 2020 sebagai langkah menjenamakan minyak sawit Malaysia yang mampan dan berkualiti. Pensijilan MSPO dijangka akan membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan di negara-negara pengimport. Buat masa ini, pensijilan MSPO telah diterima oleh Negara Jepun bagi Sukan Olimpik 2020; dan
- v. Pengecualian duti eksport duti eksport minyak sawit mentah (CPO), minyak isirong sawit mentah (CPKO) dan minyak isirong sawit diproses (RBDPKO) sehingga 31 Disember 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan yang akan diambil untuk mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040.

JAWAPAN

Datuk Yang Di Pertua, soalan yang baik daripada Mantan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Untuk makluman Yang Berhormat Shah Alam, Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyediakan Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL 2040) bermula 2 Januari 2018 bagi menggantikan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. Ia telah dipamerkan kepada orang awam pada 18 Februari 2020 sehingga 18 Mei 2020 telah melalui pelbagai kaedah iaitu:-

- 1) Pameran di Ruang Lobi Menara DBKL 1;
- 2) Pameran Bergerak di pusat-pusat membeli-belah dan pejabat cawangan DBKL;

SOALAN NO : 8

- 3) Taklimat secara atas talian melalui medium 'facebook' dan 'youtube';dan
- 4) Sesi penerangan kepada badan-badan profesional dan Ahli Parlimen Kuala Lumpur.

Seterusnya, tindakan yang akan diambil bagiewartakan Draf PSKL 2040 adalah:-

- 1) Melaksanakan Sesi Pendengaran Pandangan Awam ke atas pandangan atau bantahan yang diterima oleh Ahli Jawatankuasa yang dilantik di kalangan ahli badan profesional, ahli akademik, mantan pegawai PLAN Malaysia dan mantan pegawai kanan DBKL;
- 2) Penyediaan pindaan Draf PSKL 2040 berdasarkan laporan pengesoran oleh Ahli Jawatankuasa Pendengaran Pandangan Awam;
- 3) Kelulusan oleh Menteri berdasarkan nasihat Ahli Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan;dan
- 4) Pewartaan PSKL 2040 yang dijangka pada Disember 2020. Ia seterusnya menggantikan PSKL 2020 yang diwartakan pada November 2004.

Merujuk kepada penyediaan Draf Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040 (PTKL 2040) pula, kajian tersebut telah dimulakan pada 18 Oktober 2019 yang kini pada peringkat penyediaan Draf PTKL 2040 yang dijangka akan di selesaikan pada Disember 2020.

Bagi memastikan penyediaan Draf PTKL 2040 mengambilkira kepentingan warga kota dan semua pihak berkepentingan, beberapa sesi penglibatan awam juga telah dan akan dilaksanakan seperti berikut:-

SOALAN NO : 8

- 1) Sesi Santai Datuk Bandar Kuala Lumpur bersama YB Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai wakil penduduk;
- 2) Sesi penerangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama persatuan penduduk, komuniti perniagaan, badan profesional dan badan bukan kerajaan;
- 3) Sesi Technical Working Group (TWG) bersama agensi-agensi kawal selia tanah-tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP), agensi utiliti dan pihak berkuasa bersempadan; dan
- 4) Kaji selidik secara atas talian kepada persatuan-persatuan penduduk Kuala Lumpur.

Selepas sahaja PSKL 2040 mula berkuatkuasa, Draf PTKL 2040 akan dipamerkan bagi memberi peluang kepada semua peringkat warga kota, orang awam dan pihak berkepentingan untuk bersama-sama meneliti dan mengemukakan pandangan bagi menambah baik Draf PTKL 2040 yang disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 | RABU

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi penjualan aset iaitu ladang oleh TH Plantations Bhd (THP). Berapakah keluasan ladang serta berapa banyak ladang yang telah dijual dan kepada syarikat mana dijual.

DIJAWAB OLEH:

**YB AHMAD MARZUK BIN SHAARY
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, TH Plantations Berhad (THP) merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Haji yang telah disenaraikawamkan pada tahun 2006 dengan tujuan menguasai sektor-sektor perladangan dan komoditi agar matlamat memperkasakan ekonomi ummah tercapai.

Bermula dengan keluasan ladang seluas 15,746 hektar, kini THP memiliki ladang seluas 100,976 hektar pada akhir tahun 2017 melalui 19

buah anak syarikat. Laporan Tahunan TH Plantations Berhad menunjukkan bahawa prestasi TH Plantations Berhad agak memberangsangkan, berdasarkan petunjuk kewangan yang agak kukuh dengan mencatat keuntungan saban tahun sehingga 2017.

Keputusan untuk menjual 14 buah anak syarikat TH Plantations Berhad yang memiliki ladang berkeluasan sebanyak 76,957 hektar, bersamaan 76.2% daripada jumlah keseluruhan ladang milik anak syarikat TH Plantations telah dibuat oleh kerajaan dahulu di bawah Pakatan Harapan, iaitu pada bulan Ogos 2019. Dengan penjualan 14 buah anak syarikat ini, keluasan ladang milik THP iaitu daripada 100,976 hektar telah berkurangan sebanyak 76.2% kepada 24,000 hektar sahaja.

Mengikut semakan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama),daripada 14 buah anak syarikat ini, 4 daripadanya adalah syarikat yang mencatatkan keuntungan iaitu :

1. THP Ibok
2. THP Pelita Sadong
3. THP Pelita Gedong
4. Hydroflow.

Keputusan untuk menjual ladang-ladang ini telah dibuat semasa harga minyak sawit mentah (CPO) mengalami kejatuhan yang serius, yang mana menyebabkan anak-anak syarikat THP ini mengalami kerugian. Kejatuhan harga minyak sawit mentah (CPO) ini adalah disebabkan oleh tindakan-tindakan Kerajaan terdahulu yang tidak menjaga hubungan dagangan dengan negara China dan India, yang akhirnya menyebabkan eksport sawit kita jatuh mendadak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelupusan 70% kepentingan Ekuiti di dalam THP-YT Plantation Sdn Bhd kepada TDM Berhad (anak syarikat kerajaan Negeri Terengganu) sedang dimuktamadkan dan penjualan tersebut adalah pada harga pasaran. Keluasan ladang THP-YT ini adalah sebanyak 2,594 hektar iaitu bersamaan 2.5% dari luas keseluruhan ladang.

NO. SOALAN : 9

Manakala pelupusan Bumi Suria Ventures Sdn Bhd dan Maju Warisan Mas Sdn Bhd yang melibatkan keluasan sebanyak 6,514 hektar kepada syarikat Bukan Bumiputera iaitu Tamaco Plantation Sdn Bhd juga sedang dimuktamadkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Syarikat Tamaco Plantations Sdn Bhd ini dimiliki oleh bukan bumiputera dan diterajui oleh Ahli Lembaga Pengarah seperti berikut:

1. Lim Sing Hua
2. Lim Chun Leng
3. Lim Wai Foong
4. Lim Chun Hsiung
5. Lee Ban Loong

Penjualan Bumi Suria Ventures dan Maju Warisan Mas ini sedang menunggu kelulusan daripada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) samada harga jualan tersebut adalah pada harga pasaran ataupun tidak dan samada pelupusan tersebut akan memberi impak kepada perancangan jangka panjang dan keuntungan TH Plantation.

Setelah kerajaan Perikatan Nasional mengambil alih pemerintahan pada Februari yang lepas, keyakinan pelabur semakin meningkat dan harga minyak sawit mentah kian memulih disebabkan hubungan dagangan antarabangsa kembali terjalin. Justeru Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) akan menilai semula keputusan penjualan ladang secara besar-besaran ini sama ada ianya wajar ataupun tidak.

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di zaman Kerajaan Perikatan Nasional memikul tanggungjawab sebagai penjaga amanah pendeposit Tabung Haji, dan akan sentiasa berusaha melindungi kepentingan pendeposit dan aset-aset Lembaga Tabung Haji dan umat Islam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PAK HONG LIONG [LABIS]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama dan baru-baru ini ramai pihak yang tidak bertanggungjawab cuba mencetuskan huru-hara antara kaum dengan sengaja membangkit dan mengapi-apikan isu perkauman dan agama. Bilakah suatu Akta Keharmonian Kaum akan digubal bagi memelihara dan menjamin keharmonian dan perpaduan antara kaum dan agama dalam negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama.

Mana-mana pihak yang sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- (a) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;
- (b) seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (c) seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- (d) seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
- (e) seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 [Akta 5] iaitu kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan; dan
- (f) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Masyarakat juga perlu dididik untuk memahami dan menghormati undang-undang. Kegagalan rakyat untuk menghormati undang-undang akan menggugat keharmonian negara dan berpotensi mencetuskan ketegangan dalam kalangan masyarakat. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sama ada Kementerian masih meneruskan program tanaman baru getah berkelompok di Sarawak dan berapa peruntukan yang disediakan pada tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang Di-Pertua, semenjak tahun 2017 sehingga kini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah menyelaraskan peruntukan kepada Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) bagi pembangunan dan pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi (HIP) Tanam Baru Getah secara berkelompok di Sarawak.

Projek HIP Tanam Baru tersebut terus dilaksanakan pada tahun ini dengan peruntukan berjumlah RM42 juta seperti berikut:

- (i) RM12 juta bagi Projek Sambungan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK10); dan
- (ii) RM30 juta bagi Projek Baru Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11).

Fokus utama JPS pada tahun ini adalah untuk menyelenggara kebun/ladang getah yang telah dilaksanakan dalam tempoh RMK10 (2011-2015) dan RMK11 (2016-2020) dengan jumlah keluasan 27,380.04 hektar. Projek ini melibatkan seramai 11,391 pekebun kecil getah di bawah JPS.

Bagi Bahagian Betong, sebanyak RM10.17 juta telah diperuntukkan bagi tahun ini. Ia merangkumi kawasan seluas 6,244 hektar yang melibatkan 1,991 pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan rasional penggantungan pemberian lesen penjualan arak di Kuala Lumpur, apakah Kementerian telah menjalankan kajian yang menyeluruh berkenaan dengan dasar baru yang akan menjejaskan usaha Kementerian untuk menarik lebih pelancong asing dan juga perniagaan industri perhotelan dan tempat hiburan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah membekukan Permohonan Baharu Lesen Minuman Keras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkuatkuasa pada 2 Jun 2020 ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula dari 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020.

Sepanjang tempoh berkenaan, ketika Kerajaan telah melonggarkan Perintah Kawalan Pergerakan, negara dikejutkan dengan beberapa tragedi kemalangan yang melibatkan pemandu-pemandu mabuk sehingga mengancam dan meragut nyawa orang awam.

Selaras dengan perkembangan semasa dan susulan berlakunya beberapa kemalangan jalan raya melibatkan minuman keras, maka adalah wajar pengeluaran lesen baharu menjual minuman keras ini dibekukan buat sementara waktu sehingga satu garis panduan dan semakan perundangan dapat dilakukan.

DBKL sedang membuat kajian dan penandarasan dengan modul pengurusan pengeluaran lesen minuman keras oleh negara lain contohnya Singapura yang menghadkan waktu penjualan minuman keras, penjualan minuman keras secara runcit adalah dilarang dari jam 10.30 malam sehingga 7.00 pagi. Kajian penyediaan Garis Panduan Lesen Minuman Keras ini akan dilaksanakan bersama kementerian dan agensi kerajaan lain yang berkaitan seperti Jabatan Kastam, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT), kementerian kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengangkutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA 2020, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 22 JULAI 2020

SOALAN

DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN] minta **MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan nilai
eksport dan nilai import negara mengikut bulan, bagi bulan Oktober
2019 hingga Mac 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, nilai eksport dan nilai import negara mengikut bulan, bagi bulan Oktober 2019 hingga Mac 2020 adalah seperti berikut:

Oktober 2019

2. Eksport Malaysia pada bulan Oktober 2019 bernilai RM90.59 bilion, ini merupakan nilai eksport bulanan tertinggi direkodkan bagi tahun 2019. Namun begitu, pertumbuhan eksport menyusut 6.7% tahun ke tahun. Eksport yang lebih rendah dicatatkan ke Australia, China dan Jepun manakala peningkatan eksport direkodkan ke Singapura, Taiwan dan Amerika Syarikat (AS). Jumlah import bagi bulan Oktober 2019 menyusut 8.7% kepada RM73.27 bilion berbanding RM80.27 bilion pada Oktober 2018.

3. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi keluaran petroleum, petroleum mentah serta barangan elektrik dan elektronik (E&E). Namun, eksport meningkat bagi barangan optik dan saintifik, kelengkapan pengangkutan serta bijih logam dan serpihan logam.

4. Bagi import, barang pengantara¹ menurun 5.1% kepada RM37.52 bilion, barang modal² berkurang 11.5% kepada RM8.48 bilion manakala barang penggunaan³ menguncup 5.0% kepada RM6.13 bilion.

Nota: Contoh barangan,

¹Barang pengantara: alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali kelengkapan pengangkutan)

²Barang modal: mesin dan jentera

³Barang penggunaan: pakaian, makanan, ubat-ubatan dan barang kemas

November 2019

5. Pada bulan November 2019, eksport bernilai RM80.87 bilion, menurun sebanyak 5.5% berbanding bulan yang sama pada tahun 2018. Eksport yang lebih rendah dicatatkan ke Singapura, Hong Kong dan Jepun manakala peningkatan eksport direkodkan ke China, AS dan Indonesia. Jumlah import bagi bulan November 2019 menyusut 3.6% kepada RM74.26 bilion berbanding RM77.05 bilion pada November 2018.

6. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi barangan E&E, gas asli cecair (LNG) dan keluaran petroleum, manakala eksport meningkat bagi barangan besi dan keluli, barangan optik dan saintifik serta barangan makanan diproses.

7. Bagi import, barang modal berkurang 4.4% kepada RM9.78 bilion, barang pengantara meningkat 1.8% kepada RM41.00 bilion, manakala barang penggunaan berkembang 1.9% kepada RM6.76 bilion.

Disember 2019

8. Walau bagaimanapun, eksport pada bulan Disember meningkat sebanyak 2.7% tahun ke tahun, kadar terpantas bagi tahun 2019. Peningkatan eksport dicatatkan ke China, AS dan Indonesia manakala eksport yang lebih rendah direkodkan ke Hong Kong, Jepun dan India. Jumlah import Disember 2019 meningkat 1.0% kepada RM73.88 bilion berbanding Disember 2018.

9. Eksport meningkat bagi keluaran petroleum, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit serta barangan besi dan keluli. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi barangan E&E, LNG dan petroleum mentah.

10. Bagi import, barang pengantara meningkat 6.2% kepada RM41.92 bilion, barang penggunaan berkembang 3.2% kepada RM6.82 bilion, manakala barang modal berkurang 11.0% kepada RM8.61 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Januari 2020

11. Nilai eksport pada bulan Januari 2020 yang berjumlah RM84.11 bilion, menyusut secara marginal sebanyak 1.5% berbanding Januari 2019. Eksport yang lebih rendah dicatatkan ke Thailand, Hong Kong dan China manakala peningkatan eksport direkodkan ke AS, Switzerland dan Indonesia. Import pada bulan Januari 2020 berkurang 2.4% kepada RM72.08 bilion berbanding RM73.89 bilion pada Januari 2019.

12. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi barangan E&E, LNG serta kimia dan bahan kimia. Namun, eksport meningkat bagi keluaran petroleum, barangan besi dan keluli serta keluaran getah.

13. Bagi import, barang modal berkurang 14.8% kepada RM7.66 bilion, barang penggunaan menurun 1.0% kepada RM6.45 bilion, walau bagaimanapun, barang pengantara meningkat 3.7% kepada RM38.85 bilion.

Februari 2020

14. Eksport pada bulan Februari 2020 pula merekodkan peningkatan ketara sebanyak 11.8% kepada RM74.45 bilion, berbanding penurunan 1.5% pada Januari 2020. Ini merupakan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi bagi tempoh 16 bulan. Peningkatan eksport direkodkan ke Singapura, AS dan Republik Korea (ROK) manakala eksport yang lebih rendah dicatatkan ke Thailand, India dan Sepanyol. Import pada bulan Februari 2020 meningkat 11.3% kepada RM61.83 bilion berbanding RM55.54 bilion pada Februari 2019.

15. Eksport meningkat bagi barangan besi dan keluli, barangan optik dan saintifik serta keluaran petroleum. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi barangan E&E, petroleum mentah dan bijih logam dan serpihan logam.

16. Bagi import, barang pengantara meningkat 20.4% kepada RM38.39 bilion, barang penggunaan berkembang 10.2% kepada RM5.02 bilion, manakala barang modal berkurang 16.9% kepada RM5.49 bilion.

Mac 2020

17. Nilai eksport untuk bulan Mac 2020 mencatatkan penurunan 4.7% kepada RM80.12 bilion. Eksport yang lebih rendah dicatatkan ke Thailand, India dan Viet Nam manakala peningkatan eksport direkodkan ke Indonesia, Singapura dan Switzerland. Nilai Import pada bulan Mac 2020 menurun 2.7% kepada RM67.80 bilion berbanding RM69.68 bilion pada Mac 2019.

18. Eksport yang lebih rendah dicatatkan bagi barangan E&E, barangan perkilangan logam serta jentera, kelengkapan dan peralatan. Namun, eksport meningkat bagi kelengkapan pengangkutan, keluaran petroleum serta barangan besi dan keluli.

19. Bagi import, barang modal berkurang 48.1% kepada RM4.30 bilion, walau bagaimanapun, barang pengantara meningkat 2.2% kepada RM38.84 bilion dan barang penggunaan berkembang 7.0% kepada RM6.31 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa tiada tindakan dikenakan atas Lynas kerana gagal mematuhi syarat yang ditetapkan AELB pada Februari 2012 iaitu mengenal pasti lokasi PDF dalam tempoh 10 bulan dari tarikh pengeluaran TOL, tetapi syarat yang sama dikenakan apabila lesen Lynas diperbaharui pada 2 September 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) bagi peringkat lesen pengendalian sementara (*Temporary Operating Licence, TOL*) pada 3 September 2012 adalah untuk Lynas mengemukakan dokumen perancangan pelan dan lokasi bagi kemudahan pelupusan kekal (*Permanent Disposal Facility, PDF*) dalam tempoh masa tidak melebihi 10 bulan selepas tarikh pengeluaran lesen TOL. Lynas telah mengemukakan dokumen tersebut pada 1 Julai 2013 dan telah dinilai oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh AELB.

Manakala syarat yang ditetapkan pada tahun 2019 pula adalah Lynas perlu mengemukakan pelan perancangan pembinaan PDF

termasuklah kajian lengkap di lokasi cadangan berserta pelan pembiayaan yang terlibat.

Bagi syarat yang ditetapkan susulan lanjutan lesen operasi Lynas selama 3 tahun bermula Mac 2020 sehingga Mac 2023 pula, Lynas hendaklah memulakan proses pembangunan PDF dalam tahun pertama dari tarikh kelulusan lesen setelah memenuhi aspek perundangan di peringkat Negeri dan Persekutuan.

Memandangkan Lynas telah mematuhi syarat lesen yang ditetapkan pada tahun 2012, maka tiada sebarang tindakan dikenakan ke atas Lynas di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) pada tahun tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan cabaran dan rintangan yang dihadapi dalam usaha membasmi wabak denggi dan rancangan untuk terus memeranginya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bermula Januari sehingga 16 Julai 2020, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak **59,860 kes** dan **96** kematian akibat komplikasi demam denggi, berbanding **70,800 kes** dan **104** kematian akibat komplikasi demam denggi bagi tempoh sama tahun 2019, iaitu **penurunan kes** sebanyak **15.5% (10,940 kes)** serta **pengurangan kematian sebanyak 7.7% (8 kematian)**.

2. Pelbagai cabaran dan rintangan dihadapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha untuk membasmi wabak demam denggi yang disumbangkan oleh faktor **persekitaran yang tidak bersih**, **pergerakan manusia**, **urbanisasi**, **perubahan serotaip** dan **perubahan iklim**. Keadaan persekitaran yang kotor adalah disumbangkan oleh sikap masyarakat yang masih gemar membuang sampah dan bekas-bekas di merata tempat sehingga menjadi pembiakan nyamuk Aedes. Keadaan ini akan memudahkan peningkatan populasi nyamuk Aedes dan penularan virus denggi dalam kalangan masyarakat.

3. Bagi mengatasi dan mengurangkan masalah denggi di negara kita, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan **pelbagai tindakan** seperti mewujudkan **Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan** Mengenai Denggi. Di **Peringkat Kementerian**, Pasukan Petugas Khas Denggi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Pasukan Petugas Khas Denggi **Peringkat Negeri** yang dipengerusikan oleh Exco Kesihatan Negeri atau Menteri Besar bertindak bagi melaksanakan tindakan pencegahan dibawah bidang kuasa masing-masing.

4. Kementerian Kesihatan akan **melaksanakan tindakan pencegahan** dan kawalan **bagi setiap kes** Demam Denggi yang **dilaporkan**. Tindakan pencegahan dan kawalan ini dilaksanakan berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada. Di samping itu, aktiviti pendidikan kesihatan kepada penduduk setempat akan diberikan termasuk pembersihan persekitaran dan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes. Antaranya:

- 4.1 Melaksanakan **aktiviti pembersihan kawasan persekitaran** bagi mencari dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes seperti bekas plastik, tayar, tong dan sebagainya melalui pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai kementerian dan agensi.
- 4.2 Menjalankan **aktiviti semburan bahan pembunuh jentik-jentik** seperti *Bacillus thuringiensis israelensis* (Bti) atau Temephos di kawasan-kawasan yang berpotensi seperti di tempat pembuangan sampah dan premis barang lusuh. Ia bertujuan menghalang nyamuk Aedes daripada membiak. Aplikasi racun serangga ini perlu dilakukan bagi kawasan air bertakung dan juga untuk semua bekas yang boleh menakung air.
- 4.3 Menjalankan **semburan racun serangga dengan menggunakan semburan termal** dan *Ultra Low Volume* (ULV) bagi membunuh nyamuk Aedes dewasa. Namun begitu, langkah ini hanya bersifat sementara dan tidak bertahan lama.

- 4.4 Melaksanakan **inovasi dalam langkah kawalan nyamuk Aedes** iaitu **teknik semburan Outdoor Residual Spray** (ORS) terutama di bangunan strata.
 - 4.5 **Menggunakan nyamuk Aedes berWolbachia** bagi mengawal transmisi penyakit bawaan nyamuk Aedes.
 - 4.6 Menjalankan **aktiviti penguatkuasaan** Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (APSP) di peringkat Kementerian Kesihatan (KKM) mahupun secara bersepadu di antara agensi seperti Lembaga Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Jabatan Keselamatan dan Pekerjaan iaitu melalui Ops Gempur Aedes di tapak binaan bagi memastikan tapak binaan bebas Aedes.
 - 4.7 Menggalakkan **penglibatan masyarakat** melalui aktiviti promosi kesihatan, hebahan awam menggunakan media luar dan elektronik serta menggerakkan aktiviti gotong-royong bagi mencari dan memusnahkan tempat pembiakan Aedes.
 - 4.8 **Memperkasakan** pasukan **Communication for Behavioural Impact** (COMBI) yang merupakan agen kesihatan yang membantu KKM melaksanakan aktiviti pencegahan dan kebersihan persekitaran di peringkat komuniti.
5. Antara **tindakan bersepadu** yang telah dan akan terus dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi adalah:
- 5.1 Aktiviti penguatkuasaan bersepadu oleh KKM bersama pelbagai agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), *Construction Industry Development Board* (CIDB), *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH) menerusi Operasi Gempur Aedes yang dilakukan secara berkala.
 - 5.2 KKM juga sedang menggunakan kaedah inovasi kawalan denggi dengan menggunakan semburan *Outdoor Residual*

Spraying (ORS) yang dilaksanakan di kawasan berstrata *hotspot*.

- 5.3 KKM juga sedang menjalankan inisiatif inovasi kawalan denggi melalui pelepasan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* untuk menghentikan penyebaran virus denggi dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Penyakit demam denggi amat berkait rapat dengan faktor kebersihan persekitaran. Justeru, untuk mengurangkan kes dan kematian denggi memerlukan tindakan pencegahan bersepadu dari semua lapisan masyarakat. Setiap individu perlu mengambil tanggungjawab bagi memastikan kawasan dalam dan luar rumah bebas dari potensi pembiakan nyamuk *Aedes* dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk melakukan aktiviti pembersihan persekitaran dan menghapuskan tempat pembiakan *Aedes*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan
senarai setiap satu nama projek, tarikh dan jumlah wang terlibat
kerjasama antara :-

- (a) Malaysia dan China di bawah inisiatif *Belt and Road* dari 2013-2020; dan
- (b) Malaysia dan Amerika Syarikat (AS) di bawah strategi Indo Pasifik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Malaysia mengamalkan dasar keterbukaan dalam perdagangan dan kerjasama antarabangsa serta menyambut baik program-program yang memanfaatkan Malaysia secara khususnya dan ASEAN secara umumnya dalam sektor-sektor ekonomi, politik, keselamatan dan pembangunan serantau.

2. *Belt and Road Initiative* yang diterajui oleh Republik Rakyat China dan Strategi Indo-Pasifik Amerika Syarikat merupakan antara program-program yang dapat merangsang pertumbuhan ekonomi negara-negara yang terlibat melalui pelbagai inisiatif perdagangan dan pelaburan.

Yang di-Pertua,

Belt and Road Initiative (BRI)

3. Sebagai latar belakang, *Belt and Road Initiative* (BRI) merupakan satu aspirasi yang telah diumumkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China pada September 2013 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan serantau serta menaik taraf kemudahan infrastruktur bagi pertumbuhan ekonomi. Secara asasnya, BRI merangkumi dua komponen utama iaitu Laluan Jaringan Ekonomi Laluan Sutera (*Silk Road Economic Belt*) dan Laluan Maritim Kurun Ke-21 (*21st Century Maritime Silk Road*).

4. Malaysia merupakan antara negara terawal memberi sokongan secara terbuka terhadap BRI. Seterusnya, pada 13 Mei 2017 Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China telah menandatangani Memorandum Persefahaman untuk Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Secara Bersama dalam Laluan Sutera dan Laluan Maritim Kurun Ke-21.

5. Sehingga 31 Januari 2020, sebanyak 138 negara dan 30 pertubuhan antarabangsa telah menandatangani dokumen kerjasama (*cooperation document*) dengan Republik Rakyat China dalam usaha untuk membangunkan BRI.

6. Secara asasnya, kerjasama BRI adalah berteraskan lima aspek seperti berikut:

- (i) Penyelarasan dasar (*policy coordination*);
- (ii) Memudahcara kesalinghubungan (*facilitates connectivity*);
- (iii) Perdagangan yang lancar (*unimpeded trade*);
- (iv) Integrasi kewangan (*financial integration*); dan
- (v) Hubungan sesama manusia (*people-to-people bond*).

7. Kerajaan Malaysia mengalu-alukan cadangan projek atau program dua hala antara Malaysia dan Republik Rakyat China yang dapat membawa manfaat kepada negara. Antaranya adalah projek atau program yang dapat meningkatkan perdagangan, pelaburan langsung asing, pembangunan kapasiti, pemindahan teknologi kepada industri tempatan dan pembangunan infrastruktur negara.

8. Setakat ini, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Rakyat China masih belum memutuskan mana-mana projek di Malaysia dan Republik Rakyat China untuk dikategorikan sebagai projek di bawah BRI antara kedua-dua negara. Ini adalah kerana persetujuan kedua-dua belah pihak perlu dicapai terlebih dahulu sebelum sesebuah projek atau program dapat diiktiraf sebagai projek BRI.

9. Walau bagaimanapun, antara projek-projek utama di Malaysia yang melibatkan penyertaan daripada Republik Rakyat China adalah Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP), Universiti Xiamen di Malaysia (XMU) dan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Perincian projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

(i) **Malaysia-China Kuantan Industrial Park (MCKIP)**

Sehingga Jun 2020, sebanyak 7 projek dengan nilai pelaburan dari RRC berjumlah RM14.4 bilion telah

dilaksanakan di MCKIP dengan sebanyak 8,000 peluang pekerjaan dijangka akan dapat diwujudkan.

(ii) Universiti Xiamen di Malaysia (XMU)

Kampus ini yang terletak di Sepang merupakan kampus pertama yang diluluskan oleh Kerajaan RRC untuk didirikan di luar dari negara RRC. Jumlah nilai pelaburan dari RRC bagi projek ini adalah sebanyak RM1.3 bilion dan 75% daripada bahan pembinaan projek adalah menggunakan bahan tempatan. Sehingga kini, terdapat sebanyak 6,382 orang pelajar tempatan dan asing yang sedang mengikuti pelbagai program sarjana muda dan sarjana di Universiti Xiamen Malaysia.

(iii) Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

Seperti yang sedia maklum, projek ECRL telah diteruskan dengan kos sebanyak RM44 bilion, yang mana 40 peratus daripada pelaksanaan projek ECRL adalah dikhususkan bagi penyertaan kontraktor-kontraktor tempatan. Berdasarkan laporan terbitan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) pada Mei 2019, projek ini dijangka akan menjana aktiviti ekonomi bernilai RM88 bilion dan merentasi pelbagai sektor termasuk pembinaan dan pengangkutan. Projek ini juga dijangka bakal meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 2.7% sepanjang fasa pembinaannya.

10. Akhir kata, MITI sebagai kementerian yang dipertanggungjawab untuk perihal pelaksanaan dan pemantauan BRI di Malaysia, akan terus mengambil langkah-langkah proaktif dan sedia bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan sektor swasta untuk menjayakan usaha pelaksanaan BRI serta memanfaatkannya sebagai sebuah platform yang dapat memberikan faedah kepada pembangunan ekonomi dan industri negara.

Yang di-Pertua,

Strategi Indo-Pasifik Amerika Syarikat

11. Pada tahun 2017, Presiden Amerika Syarikat Donald Trump telah mengumumkan visi Amerika Syarikat bagi rantau Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka menerusi tiga tonggak iaitu ekonomi, tadbir urus dan keselamatan. Amerika Syarikat telah mengenal pasti kerjasama dengan negara rakan dan institusi serantau seperti ASEAN sebagai fokus pendekatan mereka.

12. Secara prinsipnya, Malaysia melalui ASEAN menyambut baik strategi Indo-Pasifik tersebut. Menerusi Sidang Kemuncak ASEAN ke-34 yang telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 22-23 Jun 2019, ASEAN telah menerbitkan "*ASEAN Outlook on the Indo-Pacific*" yang menggariskan pendekatan ASEAN terhadap isu-isu rantau Indo-Pasifik melalui kerjasama termasuk dalam bidang ekonomi maritim, kesalinghubungan (*connectivity*) dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2030 (*UN Sustainable Development Goals 2030*).

13. Setakat ini, masih belum ada inisiatif, projek atau program khusus yang dibangunkan antara Malaysia mahu pun ASEAN dengan Amerika Syarikat di bawah strategi Indo-Pasifik tersebut.

14. Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar keterbukaan dalam perdagangan dan kerjasama antarabangsa yang diamalkan Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan terus meneroka peluang-peluang baharu di bawah BRI dan strategi Indo-Pasifik bagi meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan serta menarik lebih banyak pelaburan asing berkualiti ke dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD
KADIR [SETIU]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penebusan Ganti Cuti Rehat (GCR) kepada wang tunai selama 75 hari bagi penjawat awam yang telah berkhidmat selama 15 tahun akan dilaksanakan pada tahun ini atau tidak.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) merupakan salah satu faedah persaraan yang dibayar kepada pegawai apabila bersara pilihan, bersara wajib atau meninggal semasa dalam perkhidmatan. Pemberian pencen, ganjaran dan GCR apabila penjawat awam bersara adalah merupakan suatu penghargaan Kerajaan atas sumbangan bakti sepanjang perkhidmatan dan juga sebagai suatu sumber pendapatan kepada pegawai dan keluarga. Jumlah pengumpulan GCR maksimum yang berkuatkuasa sekarang adalah sebanyak 150 hari.

Kerajaan Perikatan Nasional telah memutuskan untuk mengkaji semula cadangan kebenaran penebusan awal GCR sebanyak 75 hari yang

NO. SOALAN : 17

diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2020 yang lalu. Kajian semula ini dirasakan wajar kerana penebusan awal GCR semasa dalam perkhidmatan adalah tidak menguntungkan kepada penjawat awam. Ini adalah kerana formula pengiraan penebusan awal GCR adalah berasaskan kepada gaji semasa penjawat awam. Jumlah yang diterima menerusi penebusan awal semasa dalam perkhidmatan adalah jauh lebih rendah berbanding semasa bersara kerana gaji akhir yang diterima ketika itu adalah lebih tinggi.

Selain itu, penebusan awal GCR adalah dikira sebagai pendapatan kasar penggajian di bawah Perenggan 13(1)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) dan boleh dikenakan cukai mengikut Perenggan 4(b) ACP. Ini akan mengurangkan lagi jumlah wang yang akan diterima oleh penjawat awam berbanding jika dibayar apabila bersara kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menaiktaraf Klinik Kesihatan Sungai Udang, Melaka lantaran penambahan bilangan penduduk setempat dan lambakan permintaan perkhidmatan kesihatan oleh pihak angkatan tentera, penduduk setempat dan rakyat di sempadan Masjid Tanah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan Sungai Udang untuk keselesaan para pesakit. Sehubungan itu, pada tahun 2019, kerja menaiktaraf bekalan elektrik dan peti agihan di Jabatan Pesakit Luar telah pun disiapkan. Bagi tahun 2020, kerja pembaikan kaunter pendispensan ubat dan kaunter pendispensan *methadone* akan dilaksanakan.
2. Bagi operasi Klinik Kesihatan Sungai Udang, pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), sistem temujanji secara berperingkat diatur supaya pesakit tidak tertumpu di klinik kesihatan pada satu-satu masa sahaja. Penilaian juga sedang dijalankan sama ada perlu penambahan waktu operasi klinik sehingga jam 9.30 malam agar dapat melaksanakan norma baharu dengan penjarakan sosial selamat, dari segi prasarana dan sumber manusia
3. Untuk jangka panjang pula, KKM mempunyai perancangan untuk membina sebuah Klinik Kesihatan Jenis 3 di Sungai Udang bagi menggantikan Klinik Kesihatan Jenis 4 sedia ada. Sehubungan itu, KKM telah mengenalpasti tapak berkeluasan 6.3 ekar kira-kira dua (2) kilometer daripada Klinik Kesihatan Sungai Udang sedia ada. KKM kini sedang mendapatkan ulasan teknikal berhubung kesesuaian tapak tersebut sebelum perolehan tapak dapat dibuat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI]

TARIKH : 22 JULAI 2020

SOALAN

YB. DATUK LIEW VUI KEONG [BATU SAPI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan perundangan Peguam Negara dalam menggugurkan sebanyak 46 tuduhan rasuah terhadap bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman dan sama ada Jabatan Peguam Negara akan merayu terhadap pembebasan sepenuhnya (*full discharge*) yang diberikan kepada beliau oleh Mahkamah.

JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peguam Negara melalui Kenyataan Media bertarikh 9 Jun 2020, telahpun menjelaskan mengenai tindakan yang diambil berhubung dengan kes PP v Tan Sri Musa Aman.

Tindakan tersebut adalah berdasarkan Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, keputusan untuk memulakan, menjalankan, atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan merupakan budi bicara Peguam Negara. Tindakan menarik balik pendakwaan terhadap bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman dibuat selaras dengan peruntukan tersebut setelah membuat pertimbangan atas perkara-perkara yang berikut:

- (a) penerimaan representasi yang dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 13 Mei 2020 memohon agar pendakwaan tidak diteruskan dan ditarik balik serta satu affidavit sokongan yang telah difailkan di Mahkamah pada 5 Jun 2020;
- (b) keterangan dokumentar syarikat dan perbankan yang dijangka tidak dapat diperoleh secara Permohonan Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (*Mutual Legal Assistance*). Jabatan Peguam Negara dimaklumkan oleh pihak *Department of Justice* Hong Kong bahawa syarikat dan bank di Hong Kong hanya dikehendaki menyimpan rekod selama tempoh tujuh (7) tahun dan berkemungkinan besar syarikat dan bank tersebut tidak lagi memiliki rekod atau dokumen berkenaan;
- (c) saksi-saksi utama telah meninggal dunia, mengalami masalah kesihatan yang serius atau tidak lagi berada di Malaysia; dan
- (d) *Independent Commission Against Corruption Hong Kong* telah memaklumkan melalui surat bertarikh 22 Disember 2011 yang menyatakan siasatan mereka terhadap Tan Sri Musa Aman telah lengkap dan berdasarkan fakta-fakta yang diketahui tiada tindakan siasatan lanjut akan dijalankan.

Setelah meneliti dan mengkaji keseluruhan keterangan bagi kes tersebut, Jabatan Peguam Negara berpandangan bahawa pendakwaan adalah tidak wajar diteruskan dan memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap pembebasan sepenuhnya yang diputuskan oleh Mahkamah.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan kesan pandemik COVID-19 ke atas fokus dan perancangan Kementerian dalam menangani masalah - masalah kesihatan awam yang lain bagi tahun 2020. Apakah Kementerian akan mengurangkan penekanan di dalam mengatasi penyakit berjangkit lain seperti TB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kejadian pandemik COVID-19 tidak dinafikan membawa bersama pelbagai isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dalam memastikan perkhidmatan kesihatan terus dilaksanakan mengikut kebiasaan baharu tanpa menjejaskan kesinambungan dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan.

2. Justeru, fokus dan perancangan KKM dalam menangani masalah-masalah kesihatan awam yang lain bagi tahun 2020 terus berlangsung sebagaimana pelan tindakan yang telah digariskan. Ia mungkin sedikit terjejas semasa pelaksanaan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 12 Mei 2020 (Tamat PKP Fasa 4), namun ini tidak bermakna ianya langsung tidak dilaksanakan. Ini dapat dilihat apabila secara berkala melalui Kenyataan Media Harian COVID-19 yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

3. Selain melaporkan mengenai situasi semasa penularan jangkitan COVID-19 di Malaysia, beliau **turut** mengambil peluang untuk **menyentuh isu-isu kesihatan awam semasa yang lain** seperti:

3.1 **program imunisasi di fasiliti kesihatan** yang masih berjalan seperti biasa dan ibu bapa disarankan untuk menepati jadual imunisasi serta tarikh janji temu yang telah ditetapkan oleh petugas kesihatan;

3.2 KKM terus membuat **pemantauan bagi kesalahan penjualan produk merokok**. Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), kebanyakan premis penjualan tidak beroperasi seperti dahulu, namun penjualan atas talian didapati masih giat berjalan misalnya melalui platform e-dagang.

- 3.3 Pada 4 Februari setiap tahun, dunia menyambut Hari Kanser Sedunia dan melalui kenyataan akhbar pada 9 Mac 2020, beliau mengajak rakyat Malaysia untuk **memainkan peranan dalam membendung beban kanser** yang kian meningkat dan membantu mencegah atau mengurangkan kesan akibat kanser kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. **Hari Tibi** disambut di seluruh dunia pada 24 Mac setiap tahun. Pada hari tersebut, beliau mengeluarkan kenyataan akhbar berhubung sambutan itu untuk meningkatkan kesedaran, komitmen serta sokongan pelbagai pihak terhadap **usaha-usaha kawalan dan pencegahan penyakit yang telah dilakukan di seluruh negara**. Hari Malaria Sedunia pula disambut setiap tahun pada 25 April di seluruh dunia dan pada hari yang sama, beliau menyatakan bahawa **Malaysia telah berjaya mengekalkan status sifar malaria manusia jangkitan tempatan (*indigenous*) sejak tahun 2018**;
- 3.4 **pemakluman situasi terkini jangkitan influenza** serta aktiviti surveilans influenza yang dijalankan, **situasi wabak polio** di Sabah dan **situasi terkini rabies** di Sarawak.

4. Persepsi bahawa fokus dan perancangan KKM dalam menangani masalah-masalah kesihatan awam yang lain telah kurang diberikan penekanan akibat penularan jangkitan COVID-19 adalah tidak tepat.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Selain COVID-19, KKM juga komited dalam mengawal penularan penyakit berjangkit yang lain seperti penyakit Tibi. **Tibi** adalah disebabkan oleh **jangkitan bakteria *Mycobacterium Tuberculosis*** yang **merebak melalui udara** dan **melibatkan jangkitan saluran pernafasan** di mana **tempoh inkubasi bagi Tibi** boleh **mencecah sehingga 12 minggu**.
6. Dalam masa KKM memberikan tumpuan dalam kawalan penularan COVID-19, pemantauan dan usaha bagi pencegahan penyakit Tibi tetap dilaksanakan. KKM kini sedang dalam proses menyediakan **Pelan**

Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan untuk tempoh sepuluh tahun akan datang (2021-2030).

7. Di samping itu, KKM telah mengedarkan garis panduan bagi Pencegahan dan Kawalan Tibi Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai panduan kepada anggota kesihatan melakukan aktiviti kawalan yang lebih berkesan berikutan dari Pandemik COVID-19. Program saringan dan pengesanan awal penyakit Tibi masih diteruskan. Golongan berisiko tinggi Tibi seperti kontak kepada pesakit Tibi telah diarahkan menjalani pemeriksaan di klinik kesihatan dan hospital yang berhampiran. Sehingga Mei, 2020 sejumlah 39,246 kontak telah menjalani pemeriksaan kesihatan dan sejumlah 160 kes telah dikesan dan dirawat. Begitu juga saringan bagi golongan berisiko tinggi seperti pesakit HIV, *renal failure on dialysis*, pesakit *chronic obstructive pulmonary diseases*, pesakit diabetes, warga emas, perokok dan sebagainya masih tetap dilaksanakan.

8. Selain pihak KKM, agensi Kerajaan, swasta dan masyarakat turut memainkan peranan penting dalam mencegah dan mengawal penularan penyakit Tibi. Marilah kita bersama-sama berganding bahu memastikan penyakit ini tidak terus merebak di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

YB TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana Kerajaan telah memastikan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (National Language Act 1963/67) yang menetapkan bahasa kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua urusan rasmi Kerajaan telah dipatuhi oleh Mahkamah-Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua perbicaraan di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah adalah dijalankan di dalam bahasa kebangsaan dan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 8 Akta Kebangsaan 1963/1967 [*Akta 32*] seperti berikut:

“Bahasa Mahkamah

8. Segala prosiding (selain pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan:

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu (selain pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.”

Bagi mematuhi kehendak seksyen 8 Akta 32 dan bagi maksud memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan di mahkamah, Aturan 92 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 juga telah memperuntukkan berkenaan penggunaan bahasa kebangsaan seperti berikut:

“Bahasa dokumen (A. 92, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk kegunaan menurut Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris, kecuali terjemahan bagi maksud Aturan 11, kaedah 6(4) dan kaedah 7(1) hendaklah disediakan mengikut kaedah 6(5) Aturan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen dalam bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai suatu ekshibit, dengan atau tanpa suatu terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.”

Selain itu, Pekeliling Hakim Besar Malaya No. 2/1990 berkenaan keperluan untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan di mahkamah telah dikeluarkan untuk mengingatkan para Hakim dan Majistret supaya mematuhi Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 tersebut

disusuli dengan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara berhubung Akta Bahasa Kebangsaan yang dikeluarkan pada 22 Oktober 1998.

Walau bagaimanapun, sebagaimana proviso kepada Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, dalam keadaan-keadaan tertentu, Mahkamah atas budi bicaranya atau kehendaknya sendiri atau permintaan pihak-pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding tersebut, boleh memerintahkan agar prosiding itu (selain daripada pemberian keterangan oleh saksi) dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagian lagi dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh, bagi kes-kes berkaitan harta intelek dan komersil, prosiding adalah lebih sesuai di dalam bahasa Inggeris memandangkan terma-terma rujukan kebanyakannya adalah di dalam bahasa Inggeris.

Justeru, dalam hal ini Mahkamah sentiasa mengambil pendekatan yang bijaksana dalam memartabatkan bahasa kebangsaan serta dalam masa yang sama tidak pula memudaratkan keadilan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN NO. 22

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan Kementerian untuk mengatasi masalah kontrak di kalangan pekerja perubatan dan jika ada pertimbangan khas penempatan tetap untuk diberikan kepada mereka yang sanggup bekerja di pedalaman atau mendapat kelulusan dalam mana-mana kertas *specialist parallel pathways* yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Lantikan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi secara kontrak dilaksanakan bagi membolehkan graduan yang berdaftar dengan majlis atau lembaga profesion masing-masing dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berpeluang **menjalani latihan siswazah dan/ atau khidmat wajib**.
2. Sehingga 31 Mac 2020, pegawai yang telah dilantik secara kontrak di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berjumlah 35,506 orang. Lantikan kontrak ini merangkumi sejumlah 18,838 Pegawai Perubatan, 4,130 Pegawai Pergigian dan 5,103 Pegawai Farmasi.
3. Manakala bagi pertimbangan untuk lantikan tetap pula, ia dipertimbangkan secara berasingan selepas pegawai melengkapkan

latihan siswazah dengan mengambil kira faktor kekosongan jawatan tetap sedia ada serta pegawai memenuhi syarat pelantikan dan merit yang ditetapkan. Bagi **Pegawai Perubatan yang telah lulus dalam membership examination atau entrance examination** (dengan izin) untuk mengikuti pengajian kepakaran seperti peperiksaan *Membership Part 1/A* (dengan izin) dalam laluan parallel (*parallel pathway*), mereka **mempunyai kelebihan untuk dipertimbangkan pelantikan tetap.**

4. Kerajaan amat prihatin dan memahami keluh-kesah pegawai lantikan kontrak, terutama di kalangan Pegawai Perubatan. Namun begitu, **Kerajaan seperti mana ketetapan Akta Perubatan 1971 hanya mempunyai obligasi menyediakan penempatan bagi latihan siswazah dan khidmat wajib kepada graduan perubatan.** Dalam masa yang sama, Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam menetapkan bahawa pewujudan jawatan baharu hanya boleh dibuat secara tukar ganti (*trade off*).

5. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) secara prinsip telah meluluskan **perjawatan tetap baharu secara tukar ganti sebanyak 10,675 secara berfasa bagi tujuan menangani keperluan perkhidmatan di fasiliti baharu dan yang dinaik taraf.** Daripada jumlah tersebut, sebanyak 997 adalah jawatan Pegawai Perubatan, 154 Pegawai Pergigian dan 282 Pegawai Farmasi. Dengan kelulusan perjawatan tersebut, sebahagian daripada pegawai lantikan kontrak boleh dipertimbangkan pelantikan tetap.

6. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penempatan pegawai ke negeri-negeri dan seterusnya ke fasiliti kesihatan sama ada di kawasan bandar atau luar bandar serta pedalaman adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan. Pegawai yang berminat untuk berkhidmat di kawasan pedalaman boleh memohon untuk mengisi jawatan di penempatan tersebut. Pada masa ini, **berkhidmat di kawasan pedalaman tidak dijadikan sebagai salah satu kriteria untuk pertimbangan pelantikan tetap.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

YB TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan kembali Akta Perkhidmatan Parlimen untuk mengekang kuasa eksekutif dan memberikan kebebasan kewangan dan pentadbiran kepada Parlimen.

JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, draf Rang Undang-undang Perkhidmatan Parlimen telah disediakan. Kerajaan sedang meneliti dan memperhalusi penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) di Pulau Sebatik, Tawau yang telah beberapa tahun lalu diluluskan dan bila akan disiapkan memandangkan keperluannya sangat mendesak untuk 12,000 penduduk yang tinggal di 17 kampung di Pulau Sebatik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) di Pulau Sebatik, Tawau adalah salah satu projek yang telah diluluskan pelaksanaannya di dalam *Rolling Plan* 1, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK-11). Perancangan tapak pembinaan Klinik Kesihatan Pulau Sebatik pada asalnya adalah seluas lima (5) ekar telah dipohon kepada Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. Pelan pembangunan Klinik Kesihatan Jenis 6 telah dirancang berdasarkan keluasan tapak lima (5) ekar tersebut.
2. Walaubagaimanapun, pewartaan tapak tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sabah pada Disember 2019 adalah hanya seluas 2.88 ekar sahaja. Kelulusan tapak baru ini memerlukan perancangan semula

SOALAN NO. 24

pelan bangunan di tapak oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Projek ini dijangka ditender pada November 2020.

3. Bagi projek-projek akan datang yang melibatkan tanah Kerajaan Negeri, diharap Kerajaan Negeri dapat memudahkan proses perolehan tanah agar pelaksanaan projek berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 22 JULAI 2020

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat membentangkan RUU 355 tersebut untuk kali kedua, jika ya bila dan bagaimana ia hendak dilaksanakan. Jika tidak, mengapa?

JAWAPAN: YB AHMAD MARZUK BIN SHAARY, TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang daripada pelbagai pihak. Walau bagaimanapun, cadangan ini memerlukan pertimbangan dan penelitian secara menyeluruh bagi memastikan cadangan tersebut selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan terkini Projek *River of Life* (ROL) dan bilakah projek ini akan siap sepenuhnya serta jumlah kos keseluruhan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Shah Alam, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sedang mentransformasikan Lembangan Sungai Klang yang melibatkan jajaran 110km sejak tahun 2011 melalui Projek *River of Life* (RoL). Antara sasaran utama projek ini adalah menjadikan 10.7km Sungai Klang dan Sungai Gombak sebagai ikon *waterfront* yang dinamik dan berdaya huni dengan nilai ekonomi yang tinggi di samping meningkatkan kualiti air sungai sedia ada.

Projek RoL yang bernilai RM4.36 bilion ini telah mencapai 92% siap. Manakala sasaran *Water Quality Index* (WQI) pada Kelas 2 bagi 10.7km di sepanjang Sungai Klang dan Sungai Gombak hanya akan tercapai selepas semua projek yang dirancang dapat dilaksanakan serta beroperasi sepenuhnya pada tahun 2024.

Ketika ini, kemajuan yang dicapai projek RoL adalah mengikut jadual dan piawaian yang ditetapkan di mana 2 komponen utama projek ini iaitu Pembersihan dan Pengindahan hanya lewat 1% berbanding jadual serta masing-masing dijangka siap tahun 2024 (Pembersihan) dan akhir tahun 2020 (Pengindahan).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status siasatan yang telah dijalankan di Hospital Umum Sarawak (HUS) berkenaan aduan dari pekerja hospital tersebut mengenai polisi digunakan yang dikatakan mengakibatkan penularan infeksi COVID-19 di antara pekerja hospital. Apakah hasil siasatan tersebut dan adakah laporan tersebut akan dibentangkan secara terbuka atau di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil maklum aduan yang telah dikeluarkan oleh media *CodeBlue* pada 29 April 2020 dan *Malaysian Insight Sarawak* pada 30 April 2020. Aduan tersebut adalah berkenaan penularan COVID-19 dalam kalangan anggota kesihatan di Hospital Umum Sarawak.
2. Ekoran daripada aduan yang dibuat, KKM menerusi Pusat Kesiapsiagaan Krisis dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan dan Perkhidmatan Hospital mengadakan satu mesyuarat khas dengan pihak Hospital Umum Sarawak bagi mengetahui situasi terperinci berkenaan

perkara ini. Seterusnya, beberapa sesi mesyuarat melalui *video conference* telah diadakan antara Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Pengarah Perkembangan Perubatan dengan Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak, Pengarah dan pakar-pakar dari Hospital Umum Sarawak.

3. Satu pasukan khas telah diwujudkan diperingkat KKM yang terdiri daripada seorang Pakar Perunding Perubatan Penyakit Berjangkit dan dua (2) orang Pakar Perubatan Kesihatan Awam telah turun padang ke Hospital Umum Sarawak bagi menjalankan siasatan dan membantu aktiviti kawalan kluster COVID-19 dalam kalangan anggota kesihatan di Hospital Umum Sarawak.

4. Beberapa kenyataan media telah dibuat oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak bagi menerangkan situasi dan langkah-langkah proaktif bagi mengekang penularan COVID-19 di Hospital Umum Sarawak.

5. Seramai 4,643 anggota Hospital Umum Sarawak disaring di mana 68 kes dikesan, dirawat dan telah sembuh. Penularan berpunca dari jangkitan staf kepada staf (54 kes), *Person Under Investigation* (PUI) / *Severe Acute Respiratory Illness* (SARI) (9 kes) dan komuniti (5 kes). Tiada jangkitan yang berpunca daripada pengendalian kes positif COVID-19 dan Unit Rawatan Rapi (ICU).

6. Aktiviti-aktiviti pemantauan dijalankan secara berterusan melalui pelbagai inisiatif seperti edaran surat rasmi, penyebaran garis panduan terkini dan pelaporan harian kepada CPRC.

7. Antara langkah pengekangan dan pembendungan yang ketat telah dijalankan adalah termasuk:

7.1 Pendekatan kesihatan awam yang lebih efektif bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19 telah dilaksanakan;

SOALAN NO. 27

- 7.2 Aktiviti pembersihan dan disinfeksi dijalankan di kawasan yang terlibat termasuklah kawasan berisiko tinggi mengikut prosedur standard KKM;
- 7.3 Aktiviti mobilisasi anggota dari hospital dan klinik kesihatan berdekatan;
- 7.4 Amalan jarak sosial selamat (*social distancing*), pemakaian kelengkapan pelindung diri (PPE) mengikut keperluan serta pemantauan yang ketat di semua kawasan umum;
- 7.5 Penjagaan pesakit yang rendah imun telah dipindahkan ke fasiliti berdekatan;
- 7.6 Pengaturan tempat kediaman anggota kesihatan; dan
- 7.7 Saringan menyeluruh secara berkala di semua lokasi berisiko tinggi dalam hospital.

8. Di samping itu, aktiviti perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan psikososial (MHPSS) termasuk aktiviti bantuan awal psikologi (*Psychological First Aid*) secara individu dan berkumpulan turut dijalankan. Sokongan emosi dan kaunseling kepada anggota-anggota kesihatan turut diberikan melalui perkhidmatan atas talian yang telah diwujudkan di peringkat hospital dan negeri. KKM memandang serius dan mengambil berat kebajikan semua anggota kesihatan di fasiliti kesihatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

YB DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memperkenalkan akta yang melindungi syarikat atau individu yang gagal memenuhi terma-terma perjanjian atau kontrak kerana perniagaan terjejas akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 20 Mei 2020, Kerajaan telah bersetuju supaya Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara menyelaraskan proses penggubalan Rang Undang-Undang (RUU) Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19 dengan Kementerian/Jabatan/Agensi berkaitan. RUU ini merupakan pelepasan sementara atau *temporary relief* daripada tanggungjawab perjanjian bagi suatu tempoh yang ditetapkan. Ini adalah komitmen Kerajaan untuk mengurangkan impak perundangan COVID-19 dengan harapan kelangsungan hidup rakyat Malaysia umumnya dapat diteruskan.

Penggubalan RUU ini melibatkan modifikasi kepada peruntukan tertentu di bawah Akta-akta berkaitan. Selain itu, RUU ini turut mengandungi peruntukan melindungi pihak-pihak berkontrak (syarikat/individu) yang gagal memenuhi obligasi kontrak dalam *prescribed period* yang ditetapkan, akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)/Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) disebabkan pandemik COVID-19. RUU ini turut memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk menentukan platform mediasi bagi pihak-pihak berkontrak yang terkesan menyelesaikan pertikaian mereka secara baik.

Realitinya, Kerajaan telah banyak menawarkan insentif kepada rakyat semenjak Februari 2020, sama ada dalam bentuk tunai, subsidi, moratorium dan pakej rangsangan ekonomi untuk meringankan beban akibat COVID-19. Kelonggaran yang diberikan melalui gubalan RUU ini secara tidak langsung turut mewujudkan ruang dan peluang bagi proses pemulihan semula individu dan syarikat yang terkesan sekaligus merangsang ekonomi untuk jangka masa panjang. Justeru, saya mengharapkan sokongan Ahli-ahlin Yang Berhormat untuk sama-sama membantu memastikan matlamat penggubalan RUU ini tercapai dan diterima baik semua lapisan masyarakat selaras dengan hasrat Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]
minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- a) Adakah terdapat garis panduan berkaitan perkhidmatan pelanggan yang telah ditetapkan di klinik-klinik kesihatan; dan
- b) Adakah terdapat perancangan untuk menaik taraf kemudahan dan fasiliti klinik-klinik kesihatan untuk keselesaan para pengguna dan petugas kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada pelanggan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memberi perhatian dan memastikan enam (6) *domain* kualiti sentiasa dititikberatkan sama ada di peringkat perancangan, pelaksanaan, penilaian dan pemantauan aktiviti perkhidmatan kesihatan yang disampaikan dengan berpandukan polisi, garis panduan, prosedur operasi piawai, piawaian, spesifikasi serta indikator dan sasaran yang perlu dicapai.

2. Kualiti sesuatu perkhidmatan kesihatan diukur berdasarkan enam (6) *domain* kualiti iaitu:

- 2.1 perkhidmatan kesihatan yang **saksama**;
- 2.2 **mudah dicapai**;
- 2.3 **efisien**;
- 2.4 **berfokuskan ekspektasi** dan **keperluan pelanggan**;
- 2.5 **cepat** (*timely*); dan
- 2.6 **selamat**.

3. KKM sentiasa memastikan semua fasiliti kesihatan primer memberi perkhidmatan rawatan kesihatan terbaik kepada rakyat selaras dengan perubahan semasa dan pembangunan negara. Pihak Kementerian dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor menyedari keperluan menaik taraf kemudahan dan fasiliti klinik-klinik kesihatan untuk keselesaan para pengguna dan petugas kesihatan ini memandangkan pertambahan penduduk dan permintaan setempat.

4. Sehingga kini, terdapat empat (4) Klinik Kesihatan (KK) di kawasan Parlimen Johor Bahru iaitu KK Mahmoodiah, KK Tebrau, KK Larkin dan KK Majidee. Pada masa kini, kesemua KK tersebut masih dapat berfungsi dengan baik, dan tidak menjadi keutamaan di Johor untuk di naik taraf pada masa ini memandangkan terdapat klinik lain yang lebih memerlukan. Walau bagaimanapun, bagi meningkatkan lagi mutu penyampaian perkhidmatan kesihatan dan keselesaan pelanggan, pihak KKM akan terus berusaha untuk **merancang pembinaan baru dan menaik taraf** semua fasiliti klinik kesihatan **mengikut keutamaan** dan **keperluan setempat**, bergantung kepada **kedudukan kewangan Kerajaan semasa**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menghentikan pembayaran wang pajakan RM5,300 kepada Kesultanan Sulu melalui Kerajaan Filipina sebagai langkah menamatkan terus campur tangan luar terhadap kedaulatan Malaysia, dan juga menggunakan wang tersebut bagi menyelesaikan masalah pendatang asing tanpa izin daripada Filipina ke Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia dan Filipina sentiasa menikmati hubungan dua hala yang erat dan hubungan yang akrab ini terbukti melalui pelbagai dimensi dan kerjasama yang terjalin setelah sekian lama antara Malaysia dan Filipina yang merangkumi pelbagai bidang khususnya dalam pertahanan dan keselamatan selain ekonomi.

3. Sehingga kini, kedua-dua negara sentiasa mengikrarkan komitmen untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada serta mencari kerjasama-kerjasama baharu di dalam usaha mempertingkatkan lagi

keakraban ini. TYT Rodrigo Duterte, Presiden Republik Filipina juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia sebanyak dua (2) kali iaitu pada 2016 dan 2018 bagi membincangkan isu-isu yang berkepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Ingin saya tekankan bahawa Kerajaan Malaysia memuktamadkan pendirian kita mengenai tuntutan ke atas Sabah. Pendirian ini telah disuarakan setegas-tegasnya. Malaysia telah beberapa kali menjelaskan bahawa kita tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah memandangkan Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Malaysia sejak 16 September 1963.

5. Berkenaan dengan persoalan bayaran melalui Kerajaan Filipina, saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia tidak pernah membuat sebarang pembayaran kepada Kerajaan Filipina. Namun demikian, Kerajaan Malaysia pernah membayar wang serahan (*cession money*) melalui peguam yang mewakili sembilan (9) orang waris Kesultanan Sulu. Dalam hubungan ini, bayaran berjumlah RM5,300 setahun telah dibuat berdasarkan kepada Perjanjian 22 Januari 1878 di antara Sultan Sulu, Sultan Jamal Al Alam dengan Baron de Overbeck dan Alfred Dent daripada Syarikat Borneo Utara British. Dalam hal ini juga, saya ingin jelaskan bahawa sejak tahun 2013, Kerajaan Malaysia telah menghentikan pembayaran *cession money* kepada waris Kesultanan Sulu.

6. Sehingga kini, tuntutan ke atas Sabah hanya pernah dikemukakan oleh pihak yang mendakwa sebagai keturunan Kesultanan Sulu. Isu berkenaan Sabah juga telah beberapa kali dibincangkan semasa pertemuan dua hala antara Pemimpin Negara Malaysia dan Filipina, di mana kedua-dua negara mempunyai persefahaman bahawa isu tuntutan Sabah tidak akan dibangkitkan di mana-mana platform rantau atau antarabangsa. Presiden Rodrigo Duterte juga telah memaklumkan bahawa mereka tidak mungkin akan mengambil tindakan berkenaan Sabah berikutan hubungan akrab kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah kerugian negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Bagaimana Kerajaan mengendalikan kerugian tersebut dan strategi Kerajaan bagi memulihkan ekonomi negara Pasca COVID–19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wabak COVID-19 telah memberikan impak besar ke atas dunia serta menyebabkan kemelesetan ekonomi yang di luar jangkaan. Lebih-lebih lagi kerana ianya berlaku dalam persekitaran global yang sememangnya lemah akibat kejatuhan harga minyak mentah dan ketidaktentuan pasaran yang didorong oleh isu geopolitik yang masih berterusan sejak 2019.
2. Impak wabak COVID-19 ke atas ekonomi adalah bersifat (dengan izin) *broader, deeper* dan *protracted* dan memberi kesan merentasi semua sektor ekonomi dengan kesan yang mendalam dan berpanjangan. Berdasarkan unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Jun 2020, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka menguncup 4.9 peratus pada tahun ini. Kadar pertumbuhan ini lebih rendah berbanding 3 peratus seperti yang diunjurkan sebelum ini pada bulan April 2020. Pertumbuhan negara-negara maju juga dijangka lebih rendah. IMF mengunjurkan ekonomi Amerika Syarikat menguncup 8 peratus, ekonomi zon Euro diunjurkan menyusut 10.2 peratus dan Jepun mencatat pertumbuhan negatif 5.8 peratus.
3. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan berkait dengan rantai bekalan global, Kemelesetan ekonomi dunia dan negara-negara maju memberi kesan langsung kepada ekonomi Malaysia. IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 menguncup 3.8 peratus tahun ini, lebih rendah berbanding penguncupan 1.7 peratus yang diunjurkan sebelum ini.
4. Penularan pandemik COVID-19 memberi kesan yang amat ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada suku pertama tahun 2020 hanya mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus, manakala ekonomi pada suku kedua 2020 dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif. Semua sektor utama ekonomi seperti perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan telah terjejas akibat penularan wabak ini. Manakala, sekatan perjalanan yang dilaksanakan oleh

kebanyakan negara juga telah menjejaskan pergerakan pelancong dan industri pelancongan Malaysia khususnya industri perhotelan, penerbangan serta perdagangan borong dan runcit. Sehubungan dengan itu, pasaran buruh dijangka akan terjejas berikutan pandemik COVID-19 ini, di mana kadar pengangguran telah melonjak kepada 5.0 peratus pada bulan April 2020 berbanding tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara yang terjejas kesan daripada pandemik COVID-19 ini, Kerajaan telah membuat perancangan sistematik berdasarkan enam pendekatan utama iaitu Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilience*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*). Enam pendekatan utama ini adalah bagi memastikan ekonomi dapat kembali berada pada landasan pertumbuhan yang mampan. Pelaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 merupakan pendekatan pertama iaitu Ketegasan (*Resolve*), yang telah menyumbang kepada kejayaan Kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 dalam negara.

6. Di bawah pendekatan kedua iaitu Ketahanan (*Resilience*), Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang berjumlah RM260 bilion pada 27 Mac 2020 bagi menjaga kesejahteraan rakyat, menyokong kelestarian perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dan memastikan kelangsungan kegiatan ekonomi utama. PRIHATIN yang bernilai 19% kepada KDNK adalah antara pakej rangsangan yang terbesar di kalangan negara membangun. Di bawah pendekatan ketiga iaitu Memulakan Semula (*Restart*), Kerajaan telah memulakan semula kegiatan ekonomi secara berperingkat-peringkat dalam keadaan yang terkawal dan teratur. Kini, sebahagian besar sektor ekonomi dan sosial dibuka semula, namun sektor serta aktiviti yang melibatkan perhimpunan rakyat secara beramai-ramai tidak dibenarkan.

7. Di bawah pendekatan yang seterusnya iaitu Pemulihan (*Recovery*), Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion pada 5 Jun 2020. PENJANA memberi

fokus kepada tiga teras utama, iaitu untuk memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Ianya merangkumi langkah-langkah untuk melindungi pekerjaan, mempromosikan pekerjaan serta membolehkan perniagaan mengekalkan operasi dan meningkatkan produktiviti secara beransur-ansur.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan PRIHATIN dan PENJANA dilaporkan dan dibincang setiap minggu dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di bawah pendekatan kelima dan keenam, Memperkasa (*Revitalize*) dan Menyusun Semula (*Reform*), Kerajaan akan memperkenalkan Pelan Jangka Panjang Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19. Pelan ini adalah bagi memulihkan ekonomi dalam menghadapi norma baharu serta mempersiapkan ekonomi dalam mendepani lanskap baharu pasca COVID-19. Pelan ini antara lain akan memberi fokus kepada penambahbaikan struktur supaya lebih berdaya tahan dan lebih berdaya saing, peningkatan produktiviti dan penambahbaikan pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Fokus Kerajaan pada masa ini adalah memastikan pelaksanaan pelan pemulihan pasca COVID-19 untuk jangka pendek dan sederhana memberikan kesan positif serta merancakkan semula ekonomi negara termasuk peningkatan perbelanjaan isi rumah, pemulihan sektor yang terjejas dan menggalakkan pelaburan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status dan jangkaan permulaan pembinaan Klinik Kesihatan Kelas 3 di daerah Penampang yang telah melalui dua majlis pecah tanah pada zaman Kerajaan Barisan Nasional. Segala dokumentasi yang melibatkan kelulusan Majlis Daerah Penampang telah diperoleh pada Februari 2020 semasa Kerajaan PH + Warisan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan Klinik Kesihatan Penampang Jenis 3 yang baru merupakan salah satu projek yang telah diluluskan pelaksanaannya di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9). Projek ini menggunakan pelan piawai KK3. Untuk makluman, kerja-kerja pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 Penampang dibahagikan kepada dua (2) fasa iaitu Fasa 1 untuk kerja-kerja rawatan tanah dan Fasa 2 untuk pembinaan bangunan. Kerja-kerja Fasa 1 telah diselesaikan pada 2 Jun 2015.

2. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) menghadapi beberapa masalah untuk mendapatkan kelulusan merancang dari pihak Majlis Perbandaran Penampang. Kelulusan merancang baharu sudah diperolehi dan pihak JKR sedang dalam proses penyediaan dokumen tender. Jangkaan bagi iklan tender projek ini adalah pada Oktober 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN

YB TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemajuan dari segi logistik dan penggubalan undang-undang untuk melaksanakan usaha penurunan umur pengundi kepada 18 tahun dan pendaftaran pengundi secara automatik yang telah diluluskan oleh Parlimen.

JAWAPAN: (YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sedang dalam persiapan untuk melaksanakan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik berdasarkan kepada pindaan Perkara 119(4) Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas (2019) yang lalu.

Persiapan yang sedang dilaksanakan oleh SPR adalah meliputi penyediaan **pindaan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002** dan undang-undang lain yang berkaitan, **penyediaan *standard operating procedures* (SOP)** dan **penyediaan**

sistem dan infrastruktur bagi pelaksanaan umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik.

Sehubungan itu, SPR telah mengadakan **beberapa sesi libat urus** bersama beberapa jabatan/agensi Kerajaan seperti berikut:

- (i) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Kementerian Dalam Negeri;
- (iii) Jabatan Pendaftaran Negara (JPN);
- (iv) Jabatan Penjara Malaysia;
- (v) Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah;
- (vi) Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (vii) Angkatan Tentera Malaysia; dan
- (viii) Polis DiRaja Malaysia.

Selain itu, SPR juga telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pihak berkepentingan seperti berikut:

- (i) Sesi Libat Urus Bersama Parti-Parti Politik Dari Blok Kerajaan Dan Blok Pembangkang (Bipartisan) Berhubung Pelaksanaan Umur Pengundi dan Calon 18 Tahun serta Pendaftaran Pemilih Secara Automatik pada 3 Oktober 2019;
- (ii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sarawak pada 26 November 2019; dan

- (iii) Sesi Libat Urus Dengan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Parti-Parti Politik Negeri Sabah pada 3 Disember 2019.

Melalui penganjuran sesi-sesi libat urus tersebut, SPR telah memberi penerangan mengenai perancangan pelaksanaan pindaan undang-undang yang telah diluluskan serta mendapatkan maklum balas dan pandangan daripada semua pihak.

Di samping itu, SPR juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melalui **Jawatankuasa Taskforce SPR dan JPN** dalam persiapan melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik dan urusan-urusan lain yang berkaitan. SPR menjangkakan semua persiapan yang sedang diambil tindakan akan dapat disiapkan dalam tempoh **18 hingga 24 bulan dari tarikh kelulusan pindaan oleh Dewan Negara pada 25 Julai 2019** yang lalu. Tarikh pelaksanaan tersebut dijangka selewat-lewatnya adalah pada bulan **Julai 2021**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 22 JULAI 2020

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan agar Kerajaan Filipina menggugurkan sama sekali tuntutan mereka terhadap Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia dan Filipina sentiasa menikmati hubungan dua hala yang erat dan hubungan yang akrab ini terbukti melalui pelbagai dimensi dan kerjasama yang terjalin setelah sekian lama antara Malaysia dan Filipina yang merangkumi pelbagai bidang khususnya dalam pertahanan dan keselamatan selain ekonomi.

3. Sehingga kini, kedua-dua negara sentiasa mengikrarkan komitmen untuk mengeratkan lagi jalinan kerjasama yang sedia ada serta mencari kerjasama-kerjasama baharu di dalam usaha mempertingkatkan lagi

keakraban ini. TYT Rodrigo Duterte, Presiden Republik Filipina juga telah mengadakan lawatan ke Malaysia sebanyak dua (2) kali iaitu pada 2016 dan 2018 bagi membincangkan isu-isu yang berkepentingan bersama.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Ingin saya tekankan bahawa Kerajaan Malaysia memuktamadkan pendirian kita mengenai tuntutan ke atas Sabah. Pendirian ini telah disuarakan setegas-tegasnya. Malaysia telah beberapa kali menjelaskan bahawa kita tidak mengiktiraf dan tidak akan melayan sebarang tuntutan oleh mana-mana pihak ke atas Sabah memandangkan Sabah telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat antarabangsa sebagai sebahagian daripada Malaysia sejak 16 September 1963.

5. Sehingga kini, tuntutan ke atas Sabah hanya pernah dikemukakan oleh pihak yang mendakwa sebagai keturunan Kesultanan Sulu. Isu berkenaan Sabah juga telah beberapa kali dibincangkan semasa pertemuan dua hala antara Pemimpin Negara Malaysia dan Filipina, di mana kedua-dua negara mempunyai persefahaman bahawa isu tuntutan Sabah tidak akan dibangkitkan di mana-mana platform rantau atau antarabangsa. Presiden Rodrigo Duterte juga telah memaklumkan bahawa mereka tidak mungkin akan mengambil tindakan berkenaan Sabah berikutan hubungan akrab kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 22 JULAI 2020

SOALAN

YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi peruntukan yang sama seperti yang diberi kepada Ahli-ahli parlimen Kerajaan kepada Ahli-ahli Parlimen pembangkang dan sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN: YB DATUK SERI MOHD REDZUAN YUSOF
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH**

TARIKH : 22 JULAI 2020 (RABU)

SOALAN NO

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK
BERNAM]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah
impak dari segi ekonomi kepada rakyat dan negara akibat dari pandemik
COVID-19 khususnya kesan daripada langkah Perintah Kawalan
Pergerakan (PKP) dan nyatakan langkah Kerajaan bagi memulihkan
ekonomi negara ini pasca COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Wabak COVID-19 telah memberikan impak besar ke atas dunia serta menyebabkan kemelesetan ekonomi yang di luar jangkaan. Lebih-lebih lagi kerana ianya berlaku dalam persekitaran global yang sememangnya lemah akibat kejatuhan harga minyak mentah dan ketidaktentuan pasaran yang didorong oleh isu geopolitik yang masih berterusan sejak 2019.
2. Impak wabak COVID-19 ke atas ekonomi adalah bersifat (dengan izin) *broader, deeper* dan *protracted* dan memberi kesan merentasi semua sektor ekonomi dengan kesan yang mendalam dan berpanjangan. Berdasarkan unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Jun 2020, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka menguncup 4.9 peratus pada tahun ini. Kadar pertumbuhan ini lebih rendah berbanding 3 peratus seperti yang diunjurkan sebelum ini pada bulan April 2020. Pertumbuhan negara-negara maju juga dijangka lebih rendah. IMF mengunjurkan ekonomi Amerika Syarikat menguncup 8 peratus, ekonomi zon Euro diunjurkan menyusut 10.2 peratus dan Jepun mencatat pertumbuhan negatif 5.8 peratus.
3. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi terbuka dan berkait dengan rantai bekalan global, Kemelesetan ekonomi dunia dan negara-negara maju memberi kesan langsung kepada ekonomi Malaysia. IMF mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2020 menguncup 3.8 peratus tahun ini, lebih rendah berbanding penguncupan 1.7 peratus yang diunjurkan sebelum ini.
4. Penularan pandemik COVID-19 memberi kesan yang amat ketara kepada pertumbuhan ekonomi negara. Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pada suku pertama tahun 2020 hanya mencatatkan pertumbuhan 0.7 peratus, manakala ekonomi pada suku kedua 2020 dijangka mencatatkan pertumbuhan negatif. Semua sektor utama ekonomi seperti perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan telah terjejas akibat penularan wabak ini. Manakala, sekatan perjalanan yang dilaksanakan oleh

kebanyakan negara juga telah menjejaskan pergerakan pelancong dan industri pelancongan Malaysia khususnya industri perhotelan, penerbangan serta perdagangan borong dan runcit. Sehubungan dengan itu, pasaran buruh dijangka akan terjejas berikutan pandemik COVID-19 ini, di mana kadar pengangguran telah melonjak kepada 5.0 peratus pada bulan April 2020 berbanding tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Dalam usaha untuk memulihkan ekonomi negara yang terjejas kesan daripada pandemik COVID-19 ini, Kerajaan telah membuat perancangan sistematik berdasarkan enam pendekatan utama iaitu Ketegasan (*Resolve*), Ketahanan (*Resilience*), Memulakan Semula (*Restart*), Pemulihan (*Recovery*), Memperkasa (*Revitalise*) dan Menyusun Semula (*Reform*). Enam pendekatan utama ini adalah bagi memastikan ekonomi dapat kembali berada pada landasan pertumbuhan yang mampan. Pelaksanaan PKP yang bermula pada 18 Mac 2020 merupakan pendekatan pertama iaitu Ketegasan (*Resolve*), yang telah menyumbang kepada kejayaan Kerajaan membendung penularan wabak COVID-19 dalam negara.

6. Di bawah pendekatan kedua iaitu Ketahanan (*Resilience*), Kerajaan telah memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang berjumlah RM260 bilion pada 27 Mac 2020 bagi menjaga kesejahteraan rakyat, menyokong kelestarian perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dan memastikan kelangsungan kegiatan ekonomi utama. PRIHATIN yang bernilai 19% kepada KDNK adalah antara pakej rangsangan yang terbesar di kalangan negara membangun. Di bawah pendekatan ketiga iaitu Memulakan Semula (*Restart*), Kerajaan telah memulakan semula kegiatan ekonomi secara berperingkat-peringkat dalam keadaan yang terkawal dan teratur. Kini, sebahagian besar sektor ekonomi dan sosial dibuka semula, namun sektor serta aktiviti yang melibatkan perhimpunan rakyat secara beramai-ramai tidak dibenarkan.

7. Di bawah pendekatan yang seterusnya iaitu Pemulihan (*Recovery*), Kerajaan telah memperkenalkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bernilai RM35 bilion pada 5 Jun 2020. PENJANA memberi

fokus kepada tiga teras utama, iaitu untuk memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Ianya merangkumi langkah-langkah untuk melindungi pekerjaan, mempromosikan pekerjaan serta membolehkan perniagaan mengekalkan operasi dan meningkatkan produktiviti secara beransur-ansur.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan PRIHATIN dan PENJANA dilaporkan dan dibincang setiap minggu dalam Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

9. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, di bawah pendekatan kelima dan keenam, Memperkasa (*Revitalize*) dan Menyusun Semula (*Reform*), Kerajaan akan memperkenalkan Pelan Jangka Panjang Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19. Pelan ini adalah bagi memulihkan ekonomi dalam menghadapi norma baharu serta mempersiapkan ekonomi dalam mendepani lanskap baharu pasca COVID-19. Pelan ini antara lain akan memberi fokus kepada penambahbaikan struktur supaya lebih berdaya tahan dan lebih berdaya saing, peningkatan produktiviti dan penambahbaikan pasaran buruh.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Fokus Kerajaan pada masa ini adalah memastikan pelaksanaan pelan pemulihan pasca COVID-19 untuk jangka pendek dan sederhana memberikan kesan positif serta merancakkan semula ekonomi negara termasuk peningkatan perbelanjaan isi rumah, pemulihan sektor yang terjejas dan menggalakkan pelaburan.

Sekian, terima kasih.